

**D.R. 45/90**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Audit 1957.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Audit (Pindaan) 1990 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1988.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Audit 1957, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 10, seksyen baru 11 yang berikut:

Seksyen baru 11. Akta 62.

"Kuasa untuk meminda Jadual. 11. Yang di-Pertuan Agong boleh meminda peruntukan-peruntukan Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*".

3. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua ratus sepuluh" dalam perenggan 1 (1) dan (2) dengan perkataan-perkataan "tiga ratus dua puluh".

Pindaan Jadual Pertama.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Audit 1957.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda Akta dengan memasukkan seksyen baru 11 untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meminda peruntukan-peruntukan Jadual kepada Akta melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda Akta untuk mengadakan peruntukan bagi melaksanakan pelarasan gaji Ketua Audit Negara sebagaimana yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri. Kadar pelarasan gaji tersebut adalah sebanyak \$110.00 sebulan.

## IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN.(U<sup>2</sup>)1623.]